

26 AUG 1999

MAHATHIR-KDNK

PERTUMBUHAN POSITIF MAMPU DIKEKALKAN

SHAH ALAM, 26 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan keyakinan bahawa kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia yang positif bagi suku kedua tahun ini boleh dikekalkan dalam suku ketiga dan keempat ini.

"Ia boleh dikekalkan tetapi kita agak berhati-hati," katanya.

Dr Mahathir berkata inilah sebabnya kerajaan mengekalkan ramalan pertumbuhan 1999 pada 1.0 peratus.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perhimpunan di sini dengan para pelajar di Institut Teknologi Mara (ITM) yang tidak lama lagi akan dinaikkan taraf kepada Universiti Teknologi Mara.

"Kami memegang pada ramalan yang konservatif. Kerajaan agak konservatif dan tidak membuat dakwaan yang ia tidak mampu melaksanakannya," katanya.

Semalam, gabenor Bank Negara Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman telah mengumumkan bahawa keluaran dalam negara kasar (KDNK) bagi suku kedua tahun ini berkembang pada kadar 4.1 peratus selepas penguncupan 1.3 peratus dalam suku pertama tahun ini.

Ali juga berkata hasilnya, Malaysia terkeluar daripada cengkaman kemelesetan ekonomi, tetapi ramalan pertumbuhan satu peratus bagi tahun ini dan lima peratus tahun depan masih dikekalkan.

Ditanya sama ada penetapan RM3.80 berbanding dolar AS akan dikekalkan, Dr Mahathir berkata ia akan kekal.

Apabila ditanya lagi sama ada ia akan diteruskan selama setahun lagi, katanya: "saya tidak tahu."

-- BERNAMA

AD MR MA